



KHN.0042

14 Februari 2019

Y.A.-Y.A. Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman

Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen

Seluruh Malaysia

**Timbalan Kanan Pendaftar/Timbalan Pendaftar
Penolong Kanan Pendaftar/ Penolong Pendaftar**

Mahkamah Persekutuan
Mahkamah Rayuan
Mahkamah Tinggi Seluruh Malaysia
Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

Majistret

Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Yang Arif-Yang Arif/Y.Bhg.Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA BIL. 1 /2019
PENANGGUHAN KES**

Setelah berunding dengan Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan, Y.A.A. Hakim Besar Malaya dan Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak, saya dengan ini mengeluarkan arahan ini untuk dipatuhi oleh semua Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi dan pegawai kehakiman.

Pada asasnya, setiap kes yang ditetapkan untuk perbicaraan/pendengaran hendaklah didengar TANPA sebarang penangguhan, kecuali jika terdapat keadaan yang tidak dapat dielakkan.

Penangguhan Oleh Mahkamah

1. Kes yang telah ditetapkan tarikh untuk perbicaraan/pendengaran tidak boleh ditangguhkan oleh mana-mana Mahkamah. Sehubungan dengan itu,

Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi/Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret dan semua pegawai kehakiman hendaklah merancang cuti rehat dan juga tarikh menghadiri kursus dan sebagainya. Jika cuti terpaksa diambil, Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi/Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret dan pegawai kehakiman yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa mana-mana kes yang perlu ditangguhkan itu, hendaklah dimaklumkan kepada pihak-pihak dalam tempoh masa yang munasabah dan tarikh yang baharu yang terawal mungkin yang sesuai bagi semua pihak hendaklah ditetapkan.

2. Sekiranya kes terpaksa ditangguhkan pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan/pendengaran kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan (sebagai contoh, Hakim sakit atau anggota keluarga Hakim yang terdekat sakit atau meninggal dunia), kes hendaklah diambil alih oleh Hakim yang lain untuk didengar pada hari yang sama, sekiranya ada Hakim yang dapat berbuat demikian. Jika tidak, kes hendaklah didengar pada tarikh yang terawal di hadapan Hakim yang asal. Bagi maksud Hakim yang dapat mengambil alih kes itu, jika berlaku di Mahkamah Tinggi, Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi yang berkenaan hendaklah merujuk kepada Hakim Pengurus/Hakim Besar manakala jika berlaku di Mahkamah Rendah, Penolong Pendaftar hendaklah merujuk kepada Hakim Penyelia/Hakim Utama/Hakim Besar.
3. Bagi Mahkamah yang mengamalkan sistem pendaftaran dan pengendalian kes secara berpasangan (*pairing system*), kes Hakim itu hendaklah diambil alih oleh pasangan Hakim itu, jika jadual kes pasangan itu pada hari itu memungkinkan beliau berbuat demikian. Hakim yang telah membantu untuk mendengar kes tersebut bagi pihak Hakim yang bercuti secara tiba-tiba, hendaklah menghantar kes yang sama sifat dan darjah kesukaran sebagai kes ganti kepada Hakim mahkamah asal.

Penangguhan Atas Permohonan Mana-Mana Pihak

4. Untuk penangguhan oleh mana-mana pihak, permohonan penangguhan hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang munasabah bagi membolehkan tarikh baharu kes itu ditetapkan semula dengan persetujuan pihak-pihak.
5. Permohonan untuk penangguhan pada hari kes tersebut ditetapkan untuk perbicaraan/pendengaran tidak boleh dibenarkan, kecuali kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Sebagai contoh, peguam tiba-tiba jatuh sakit dan perakuan sakit dikemukakan kepada Mahkamah, atau satu-satunya saksi yang

dijadualkan memberi keterangan tidak dapat hadir di Mahkamah kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Maklumat Penangguhan

6. Maklumat tentang penangguhan sesuatu kes yang tidak dapat dielakkan itu hendaklah dikemukakan pada hari yang sama melalui e-mel kepada Hakim Pengurus dan Hakim Besar Malaya bagi Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi dan pegawai kehakiman Mahkamah di Semenanjung Malaysia. Bagi Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi dan pegawai kehakiman Mahkamah di Sabah dan Sarawak pula, maklumat itu hendaklah dihantar kepada Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Pembatalan

7. Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 1/2008 dibatalkan.

Tarikh Kuat kuasa

8. Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM)
Ketua Hakim Negara

s.k:

Y.A.A.Presiden Mahkamah Rayuan

Y.A.A.Hakim Besar Malaya

Y.A.A.Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Y.A. Hakim Pengurus

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi) Mahkamah Persekutuan Malaysia

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi) Mahkamah Persekutuan Malaysia

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Pengarah Mahkamah Negeri

Pustakawan

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

EDARAN LUARAN:

Peguam Negara Malaysia

Jabatan Peguam Negara

Ketua Bahagian Pendakwaan

Jabatan Peguam Negara

Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan

Jabatan Peguam Negara

Presiden

Majlis Peguam Malaysia

Pengerusi

Persatuan Undang-Undang Sabah

Pengerusi

Persatuan Peguam bela Sarawak

CARTA ALIRAN ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA
PENANGGUHAN KES

